

AGAMA DAN KEWAJIPANNYA KEPADA MANUSIA

(IV - PENUTUP)

MUSTAHAKNYA PENGETAHUAN AGAMA

(OLEH ZA'BA)

Apakah yang lebih-lebih yakin akan membawa seseorang atau sesuatu kumpulan bangsa manusia ini menjadi jatuh dan rosak binasa? – jatuh pada pandangan orang baik-baik dan jatuh pada pandangan Tuhannya, jatuh pada ukuran hidup di dunia sekarang ini dan jatuh pada kehidupan yang akan datang di hari kemudian? Bahawa kepada seseorang yang memikir-mikirkan soal ini tidaklah ada jawab yang terlebih hamper daripada: “Perkara yang yakin sekali akan membawa kepada kesudahan demikian tidak lain melainkan perbuatan mengerjakan kerja-kerja yang salah dan jahat dan hina dan meninggalkan kerja-kerja yang betul dan baik dan mulia.”

Kemudian jika disoal pula: Apakah yang lebih-lebih segera akan menarik manusia tercebur ke dalam “lubuk kejatuhan” itu – jatuh daripada betul kepada salah, jatuh daripada baik kepada jahat. Dan jatuh daripada mulia kepada hina? . . . nescaya tidaklah pula akan didapati jawab yang terlebih hamper melainkan: “Ialah perasaan jahil atau tiada ambil tahu akan kehinaan jahat dan kejahatannya, tiada diambil tahu akan kemuliaan baik dan kebajikannya – jahil akan panduan-panduan hidup yang dikurnia Tuhan kepada manusia berkenaan baik dan jahat. Jahil akan perintah-perintah suruh larangan-Nya bagi memperoleh perjalanan hidup yang

baik dan betul. Pendeknya jahil akan pengajaran-pengajaran agama. Pengajaran agama itu sangat-sangatlah mustahak adanya bagi memimpin bangsa manusia menjalani kehidupan yang betul dalam dunia ini. Kerana agamalah panduan yang berasal dari pihak Tuhan sendiri bagi segala ehwal dan pekerjaan hidup yang bersangkutan dengan urusan baik dan jahat, betul dan tiada betul; dan agamalah sebaik-baik suluhan untuk menerangi jalan kepada orang-orang yang di dalam gelap dan menunjukkan arahan yang benar kepada mereka berkenaan apa-apa yang tiada sampai akal fikiran mereka menyelaminya pada berbagai-bagai masalah hidup dan mati. Jikalau sekiranya tidak ada diberi Tuhan pimpinan agama kepada manusia, nescaya haruslah mereka pada kebanyaannya akan tetap tertinggal di dalam gelap gelita sahaja, selama-lamanyateraba-raba hendak mencari kebenaran dengan sendiri untuk mentafsirkan makna hidup dan mati dan tujuannya dan untuk memahami maksud alam di sekelilingnya ini. Mereka haruslah tidak akan berjumpa dengan kebenaran yang dicarinya itu jika tidak dengan bantuan agama! Mereka akan berkekal dalam sesat barat dan hanyut melarat oleh sebab tiada beroleh pimpinan dan suluhan itu, serta sentiasa bertunang dengan bahaya jatuh kepada jalan-jalan yang membawa sengsara, atau tercebur ke dalam

lubang-lubang lubang yang menjadi rosak binasa. Kejadian demikian memanglah hasil yang tetap terbit pada siapa-siapa jua, dan pada mana-mana jua kumpulan manusia, yang berjalan di dalam gelap gelita. Baik pun gelap pihak jasmani atau rohani.

Sungguhlah tiap-tiap seorang manusia yang siuman dan sejahtera sifat kejadiannya serta sudah sampai kepada had akil baligh, ada dianugerahi di dalam dirinya suatu perkakas neraca penimbang yang dinamai akal. Iaitu boleh memimpin dia membezakan antara baik dengan jahat dan antara betul dengan salah. Akan tetapi manusia ini pada kebanyakan halnya, bahkan boleh dikata pada tabiat kejadiannya, adalah selalu cenderung atau mudah tertarik kepada pihak jahat; dan jika tiada diberi kepadanya panduan pedoman yang lain daripada akal itu sahaja nescaya tidaklah sukar ia dapat ditakluki oleh runtunan nafsu dan hawa dan oleh seruan Iblis. Dengan hal demikian adalah ia, dengan sebab tiada mendapat panduan agama itu. Seolah-olahnya sentiasa berdiri di tepi tubi rmenghadapi suatu tanah buyau yang ada berlubuk dalam di sebelah bawahnya. Ia harus akan ditelan oleh buyau itu bila-bila ketika jua, kerana boleh jadi ia akan terjelobos ke dalamnya pada saat ini atau saat yang satu lagi. Maka jika ia tiada mempunyai panduan agama nescaya apabila ia terperlus ke bawah ke dalam lubang buyau itu maka tidaklah ada tangan pertolongan yang akan boleh menahankan dia atau menarikkan dia keluar!

Cubalah kita memandang berkeliling ke dalamantara kumpulan orang daripada berjenis-jenis bangsa yang mendiami negeri-negeri Tanah Melayu ini, termasuk orang-orang bangsa kita sendiri juga. Apakah orangnya yang kita lihat biasa melanggar undang-undang dan melakukan kejahatan seperti menipu, mencuri, menyamun, merampas, membunuh orang, berzina, jadi pelacur dan sebagainya? Bukankah orang-orang yang tiada mendapat faedah yang demikian bolehlah dikata sama akan diperoleh walau apa pun agamanya. Kerana sungguhpun antara satu agama dengan satu itu banyak tentangnya yang berselisih dan

berbuat kelakuan yang betul dan menjauhi perkara-perkara yang salah, aib dan cemar, haga tiada didapati banyak kecelaan pada mereka dalam kehidupan hari-harinya – nescaya kita lihat bahawa mereka itu ialah daripada jumlah orang yang beragama. Yakni mereka itu orang yang ada beriman akan agama serta mengetahui sebanyak sedikit akan bandingan baik dan jahat seperti yang diajarkan oleh agama; mereka sedia mahu menghormati agama dan kehendak-kehendak perintahnya, walaupun barangkali mereka bukannya daripada jenis orang yang cukup taat “mengerjakan” atau orang yang warak menyempurnakan segala “amal ibadatnya” yang demikian adalah nyata menunjukkan bahawa jika semuanya manusia ini beragama dan berpegang dengan ajaran-ajaran agama sekurang-kurangnya menggalakkan tiap-tiap yang baik dan betul yang disuruh oleh agama dan membenci tiap-tiap yang jahat dan salah yang ada larang oleh agama – nescaya tidaklah perlu lagi pihak pemerintahan mengadakan undang-undang dan pasukan polis bagi menjaga dan memelihara keamanan negeri.

Asuhan agama atau yang tiada mengetahui dan tiada endah hendak mengetahui bagaimana kehendak agama dan suruh larangannya. Kemudian jika kita perhatikan pula apa jenis orangnya yang selalu berlainan ajarannya dan terkadang berlawanannya, iaitu oleh sebab-sebab yang telah sedia diterangkan, tetapi pada hakikatnya yang umum masih boleh kita lihat bahawa semua agama pun menyuruh kepada yang baik juga dan melarang daripada yang jahat. Semua agama mengajarkan adanya Tuhan atau kuasa yang tertinggi dalam alam ini; semua agama mengajar ada pihak alam ghaib dan rohani sebagai tentangan kepada alam yang zahir dan jasmani, ada kehidupan kemudian daripada mati, adabalan baik dan jahat dalam kehidupan “hari kemudian” itu. Maka itu semuanya ialah asas yang mustahak untuk ajaran member panduan kepada manusia dalam perjalanan hidupnya terhadap baik dan jahat. Semua

Sambungan pada muka 35

Sambungan dari muka 6

itu bukan seperti yang dituduh oleh setengah-setengah orang yang berjiwa kebendaan, iaitu kononnya sekalian agama hanyalah sebagai candu dan madat jua untuk menidurkan manusia!!.... tetapi syaratnya baharu boleh agama itu memberi guna hendaklah manusia tahu dan ada pengetahuan yang memadai di dalam ajaran-ajaran agamanya itu. Sekurang-kurangnya pada perkara yang besar-besarnya. Jika mereka tiada berpengetahuan dalam ajaran-ajaran agamanya, atau jika mereka tiada beriman akan kebenarannya ajaran-ajaran itu, maka itulah kekurangan yang akan menjadikan mereka seperti perahu yang tiada perkakas pedoman dan tiada mempunyai kemudi di tengah-tengah lautan.

Untuk suatu contoh lagi, cubalah pula kita layangkan pandangan kepada kumpulan-kumpulan kaum yang tiada memberatkan agama atau yang tiada percaya langsung akan agama di negeri-negeri Barat. Perhatikan betapa dan bagaimana keadaan mereka? Mereka, sebagaimana orang-orang lain juga di dalam dunia, memang banyak yang tiada berat kepada agama atau mengambil hirau akan pengajaran-pengajaran agama, dan setengah mereka tiada percaya pun akan ada faedah dan gunanya agama itu. Bahkan banyak daripada ahli-ahli ilmu pun di antara mereka yang “oleh sebab sudah terlampau pandainya” hingga tiada dipercayai lagi akan sebarang agama jua. Dan tiada percaya pun akan adanya Allah! Maka dalam setengah negeri di sebelah sana, hingga dilarang oleh pemerintahnya jangan diajarkan di sekolah-sekolah akan sebarang apa pelajaran yang ada berupa agama; dan dalam setengah negeri yang lain pula dipadankan dengan berpegang bahawa tiap-tiap seorang ada mempunyai akal fikiran sendiri dan masing-masing bolehlah beragamakan fikirannya sendiri itu sahaja.

Tetapi apakah akibat yang terbit daripada keadaan itu? Kita boleh mengaku barangkali orang-orang yang berpendapat demikian sungguhlah pandai, bijak, luas pelajaran dan pengetahuan pada segala hal ehwal dunia dan luas siasatan pada perkara-perkara yang tersimpan oleh akal mereka. Dan lagi bangsa mereka pun sungguhlah besar dan masyhur, menakluk dan memerintah

bangsa-bangsa lain yang masih bodoh dan kurang pelajaran. Akan tetapi tiadalah pula terlindung daripada pandangan dan pendengaran dunia bahawa daripada orang-orang mereka yang tiada beragama itulah juga telah keluar segala jenis penjahat dan pengaju keamanan, segala jenis penipu, penyamun dan pembunuh telah melakukan berjenis-jenis kejahatan dan pencabulan; segala jenis pelacur lelaki dan perempuan yang telah mengerjakan berbagai-bagai kecemaran dan melanggar kesopanan dengan tiada had sempadannya. Maka sekalian itu adalah mencontengkan nama yang aib dan cemar kepada kebesaran yang mereka megah-megahkan masing-masingnya. Di antara kejadian-kejadian keji yang telah berhasil daripada keadaan demikian itu tidaklah kurang adanya jenis-jenis kejahatan yang terdapat di negeri-negeri Timur yang belum tamadun dan di antara bangsa-bangsa bodoh yang belum pandai di dalam dunia: bahkan, di negeri-negeri Barat itu didapati berlipat ganda lagi banyaknya dan jenisnya kejahatan keji-keji yang terjadi tiap-tiap hari. Tentang hal kelahiran anak haram pula, umpamanya, adalah beribu-ribu tiap-tiap tahun disiarkan beritanya dalam suratkhobar dengan tiada silu dan malu lagi kepada mereka itu, kerana sudah jadi adat biasa sahaja!

Tetapi Tuhan Maha Besar yang memelihara dan memerintah sarwa sekalian alam tidaklah membiarkan kejahatan dan kesalahan itu berleluasa sahaja dengan tiada mengenakan hukumnya. Ia sentiasa Maha Adil dan keadilan-Nya tetap berjalan pada tiap-tiap masa dan ketika. Tiap-tiap bangsa dan kumpulan manusia yang banyak berbuat jahat dan salah besar-besar seperti yang tersebut itu adalah ditimpakannya ke atas mereka sesuatu bala' yang besar pula jadi sebagai balasan, penyedaran dan pengajaran kepada mereka. Maka di antara balasan-balasan dahsyat yang menimpa itu ialah peperangan yang menggoncang dunia dari satu masa ke satu masa berulang-ulang dengan tiada sudah-sudahnya; dan jika tidak ada peperangan maka bermacam-macam pula bala dan kesusahan yang lain-lain.

Demikian lagi perhatilah daripada kenyataan tawarikh

beberapa banyak contoh menunjukkan bukan sedikit umat-umat dan kerajaan besar-besar zaman yang telah lalu, bagaimana sekaliannya itu telah jatuh dan hilang kebesarannya! Apakah sebabnya yang telah menjadikan dia jatuh masing-masing itu hingga setengahnya lenyap daripada alam wujud, tidak ada yang tinggal lain daripada nama dan sebutan-sebutannya sahaja dalam lembaran kitab-kitab tarikh? Apakah sebabnya bangsa-bangsa dan kerajaan itu telah jatuh daripada keadaan tinggi dan mulia kepada keadaan rendah dan hina, daripada memerintah jadi kena perintah, daripada masyhur jadi tiada masyhur lagi, dan terkadang daripada wujud terus kepada adam sama sekali? Maka jawab kepada pertanyaan ini tiada lain melainkan ialah oleh sebab kebaikan mereka telah bertukar kepada kejahatan, dan keadilan mereka telah bertukar kepada kezaliman, dan laku perangai mereka yang betul dan digemari telah bertukar kepada laku perangai mereka yang keji dan dibenci. Tetapi sekalian sebab itu telah terjadi pula ialah oleh kerana mereka meninggalkan atau tiada mengikut lagi akan ajaran dan seruan saudara agama. Maka diambillah oleh Tuhan akan kerajaan dan kebesaran mereka itu, diberikan-Nya kepada orang lain lebih layak menerimanya. Seperti firman-Nya dalam Quran: *Wa laqad katabnā fī al-zabūr min ba'da al-zikr inna al-arḍ yarīthuhā 'ibādī al-ṣāliḥūn* (surah al-Nisā' 105) ertinya: "Sebenarnya telah Kami suratkan di dalam kitab suci yang diberi kepada Nabi Daud kemudian daripada peringatan (yang telah diberi nabi yang dahulu daripadanya) bahawa bumi ini akan dipusakai oleh hamba-hamba-Ku yang berbuat betul".

Inilah akibatnya pada suatu umat atau bangsa apabila mereka tiada beragama atau tiada memegang agama – iaitu tiada percaya akan agama atau pun tiada menyempurnakan tuntutan kebenaran pada berbuat baik dan menjauhi jahat seperti yang diajarkan oleh agama.

Sementara itu wajiblah diingat bahawa kejahilan akan ajaran-ajaran agama itu samalah tarafnya dengan kelakuan membuang

atau meninggalkan pengajaran-pengajaran agama setelah diketahui akan dia; dan membuang atau meninggalkan pengajaran agama itu pula samalah sejalan pada natijahnya dengan keadaan tidak beragama langsung. Hanya bezanya jika sekiranya sifat tiada beragama atau meninggalkan ajaran agama setelah diketahui itu lebih keras akibatnya yang tiada baik oleh sebab "tahu"nya itu, maka kejahilan sama sekali akan pengajaran-pengajaran agama itu harus boleh mengurangkan sedikit kerasnya dan banyaknya akibat-akibat yang buruk itu. kerana walau macam mana pun "tahu" adalah sentiasa lebih baik dan lebih berat tanggungannya daripada "tiada tahu". Firman Tuhan: "*Hal yastawī alladhīna ya 'lamūna wa alladhīna lā ya 'lamūn?*" – (sūrat al-Zumar 9) ertinya "Adakah sama di antara orang-orang yang tahu dengan orang yang tiada tahu?"

Di sini moleklah rasanya diingatkan bahawa bagi kita orang-orang Islam tiap ajaran yang baik adalah jadi sebahagian daripada agama Islam, dan tetap ada terkandung sarinya dan simpulannya di dalam jumlah pengajaran Islam: barang apa jua ajaran baik yang ada terjumpa, atau yang diserukan dalam sebarang agama lain bolehlah belaka didapati semuanya itu di dalam agama Islam kita. Kerana agama Islam ini ialah agama yang diakui oleh Tuhan mengandungi pati dan inti dari segala agama yang telah terdahulu daripadanya. Nabi kita Muhammad (SAW) telah membawakan di dalam Quran, kita suci agama Islam ini, saringan yang bersih dan pekat daripada segala kitab suci yang telah diturunkan Tuhan kepada rasul-rasul lain dahulu daripada-Nya. Akuan ini adalah tersebut di dalam Quran sendiri, demikian bunyinya: "*Rasūlun min Allāh yatī sūḥufan muṭahharah. Fīhā kutubun qayyimah:*" (sūrat al-Bayyinah 3-2), ertinya: (ia) seorang utusan daripada Tuhan (Allah), membacakan (kepada manusia) helai-helai kitab suci yang terkandung di dalamnya kitab-kitab suci lain yang betul."

Ini nyatalah menunjukkan bahawa orang-orang Islam tidak

termesti lagi, bahkan tidak berhajat pergi mencari ajaran-ajaran agama dan isi-isi kebenaran agama di dalam apa-apa jua agama lain. Hanya yang kita berhajat ialah apabila terjumpa apa ajaran dalam agama lain yang dirasa baik, bagus, dan tinggi, maka hendaklah kita mencari taranya dan bandingnya dalam agama Islam, iaitu ajaran Islam yang serupa atau selari dengan itu atau pun yang lebih baik daripada itu.

Agama Islam yang sebenar-benarnya menurut asalnya adalah bersih dan suci daripada sebarang ajaran yang merosakkan dan membawa kejatuhan, seperti menyengutkan Tuhan dan menyembah berhala. Demikian lagi bersih ia daripada ajaran yang berlawanan dengan kebenaran sejati yang telah disahkan benarnya oleh ujian akal dan ilmu pengetahuan. Jika tidak demikian maka betapakah dapat diaku dan diterima kebenarannya sendiri? Kerana pendapatan-pendapatan ilmu pengetahuan dan siasatan akal yang telah tetap benarnya (seperti “dua kali lima = sepuluh”) itu pun ialah kebenaran yang Allah Ta’ālā juga telah menjadikannya.

Maka oleh sebab itulah agama Islam atas rupa asalnya yang telah dibawakan oleh Muhammad (SAW) ini dikatakan syariat yang akhir dan penyudahan sekali diturunkan kepada manusia, tidak ada lagi akan datang syariat yang lain atas rupa yang lain. Demikian lagi itulah juga sebabnya telah dikata oleh Tuhan di dalam Quran: “Bahawa yang sebenar-benar agama pada sisi Allah ialah agama Islam” dan “Barangsiapa berkehendak akan agama yang lain daripada Islam jadi agamanya maka tiadalah sekali-kali akan diterima daripadanya, dan orang itu akan jadi seorang daripada orang-orang yang rugi di negeri akhirat kelak.”

Dalam pada itu walau berapa bagus pun agama kita ini, atau apa-apa agama jua yang diaku oleh seseorang atau yang dipusakainya daripada ibu bapanya dan nenek moyangnya – walau

bagaimana indahnya ajaran-ajaran agama itu – maka tidaklah juga boleh ia memberi guna dan faedah apa-apa kepada orang yang mengakunya jika orang itu tidak ada pengetahuan akan dia, yakni tiada tahu akan ajaran-ajarannya yang sungguh-sungguh benar, bersih dan bernas. Demikian pula jika seseorang tahu akan ajaran-ajaran agama itu, tetapi tiada mengikut dan memakai apa yang ia tahu itu atau tiada beriman akan kebenarannya.

Orang jenis yang pertama itu, iaitu yang tiada tahu akan ajaran-ajaran agamanya atau tiada mengerti akan hakikat kebenarannya, ialah bilangan yang terbanyak sekali didapati di antara pengikut-pengikut apa-apa agama pun dalam dunia. Pengetahuan mereka akan agama yang mereka aku itu biasanya hanyalah pengetahuan kulit-kulit luar sahaja, tidak sampai kepada isi yang mengenyangkan bahkan kerap kali tiada kenal pun aka nisi itu. Maka sekadar yang mereka tahu itu pun biasanya hanyalah dapat dengan didengar-dengar daripada orang, bukan daripada keyakinan sendiri yang telah diuji sah betulnya dengan pengajian dan timbangan akal sendiri sehingga didapati tahkik benarnya dan termasuk ke dalam hati. Orang yang demikian hanyalah “pengikut baka” sahaja akan agamanya itu: jika orang Islam maka ialah “Islam baka” namanya. Ia telah diperanakkan di dalam agama itu, jadi bagaimana pun di situlah tempatnya. Ia hanya mengikut jalan yang telah jadi adat kepada ibu bapanya, jalan yang telah turun-temurun dari nenek moyangnya. Ia mengikut itu dengan tiada tahu hujung pangkal dan tidak mengerti hitam putih pada apa yang diikutinya itu. Ia hanya mengikut dan meniru kebiasaan ahli familinya dan kaum keluarganya dan kebiasaan orang ramai di kelilingnya yang telah tetap terbeku jadi adat demikian itu dari zaman-berzaman....bahawasanya “tahu” dan “mengikut” atas wajah yang seperti ini tidaklah akan dapat menerbitkan hasil baik yang betul; kerana “tahu”nya itu yang sebenarnya ialah jenis tahu yang “tiada tahu”



Tuan HAMKA dalam pertemuan dengan Tuan Za'ba di rumahnya di Singapura.

juga, akan sebabnya ia “tiada tahu” itu ialah oleh kerana tiada mendapat ajaran yang betul dan tepat kepada isi agama.

Ada pun orang jenis yang kedua, iaitu yang “tahu” akan ajaran-ajaran agamanya tetapi tidak dia menyempurnakannya, maka mereka itu terbahagi kepada dua bahagi. Satu bahagian tahu dan beriman akan kebenarannya perkara-perkara yang ia tahu itu, tetapi tiada mengikut atau mengerjakannya; dan satu bahagi lagi tahu juga tetapi di dalam hatinya tiada beriman akan dia, apa lagi mengikut dan “mengerjakan”nya. Bahagian satu itu ialah orang yang “fasiq” dan ‘asi sahaja, dan mereka yang demikian memang banyak didapati dalam segala agama pun. Tetapi bahagian dua itu tidaklah banyak adanya dan jika pada agama Islam mereka itu bukanlah orang Islam lagi melainkan telah terkeluar daripadanya oleh sebab tiada keimanan di dalam hatinya itu walau pada zahirnya mereka mengaku beragama Islam dan melakukan segala hal hidup matinya seperti orang-orang Islam juga. Orang demikian ini ialah satu jenis daripada mereka yang digelar “munafiq” di dalam istilah perbahasaan Islam.

Ketiga-tiga puak yang telah dinyatakan ini bolehlah dibangsakan daripada jenis orang yang tiada beragama, atau sekurang-kurangnya tiada berpegang kepada agama, selain daripada kulit dan kelompongnya. Maka orang yang tiada beragama dan tiada memegang agama tidaklah ada apa-apa yang melayakkan dia dapat barang sesuatu faedah dan kebajikan daripada agama, walaupun ia mengaku agama itu atau agama ini, dan walau beberapa pun bagusnya agama yang diakunya itu.

Maka daripada sekalian yang telah kita bincangkan itu dapatlah diambil kesimpulan bahawa pengetahuan agama dengan sifat yang sebenar-benarnya sangatlah mustahaknya diberi atau diperoleh bagi tiap-tiap seorang supaya mereka tahu akan dia dengan “tahu” yang sampai mendapat isinya. Itulah mustahak yang pertama sekali. Kemudian setelah ada “tahu”nya itu maka mustahak yang kedua hendaklah pula seseorang itu berpegang kepada agama dan kepada ajaran-ajarannya yang ia telah tahu itu dengan pegangan “iman” berserta “amal” sekali seboleh-bolehnya. Setelah ada kedua-dua syarat ini baharulah boleh terbuka pintu selamat dengan seluas-luasnya dari segi agama, dan jika orang Islam baharu ia boleh sampai menghasilkan faedah-faedah dan tujuan yang dimaksudkan oleh agama Islam.